

05 JUL 2003

Mahathir-Sulaiman (UPDATE 1)

UMNO AMAT HARGAI JASA SULAIMAN, KATA DR MAHATHIR

PETALING JAYA, 5 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Umno amat menghargai jasa pengerusi tetap parti itu, Tun Sulaiman Ninam Shah, yang meninggal dunia hari ini akibat leukemia.

"Beliau menjalani kehidupan yang sempurna, dan telah berjasa sehingga akhir hayatnya," kata Perdana Menteri selepas menziarahi jenazah Sulaiman di kediamannya di sini.

Beliau diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, menyifatkan Sulaiman sebagai seorang yang boleh dianggap sebagai satu institusi dalam Umno setelah menjadi Pengerusi Tetap paling lama.

Sulaiman, 83, meninggal dunia di Pantai Medical Centre pada 5 pagi. Jenazahnya dikebumikan di kampungnya di Muar, Johor, petang ini.

Sulaiman, yang menyertai Umno pada 1947, telah menjadi pengerusi tetapnya sejak 28 lepas.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang menziarahi berada di Muar untuk pengebumian Sulaiman, berkata kematiannya adalah satu kehilangan besar kepada Umno.

Beliau berkata Allahyarham merupakan seorang anggota Umno yang cukup berjasa kepada parti dan telah terlibat dengan begitu aktif dalam perjuangan Umno daripada mula parti itu ditubuhkan.

"Umno merasa kehilangan seorang ahli yang sangat disukai dan dihormati oleh ahli Umno kerana kewibawaan beliau khususnya semasa menjadi pengerusi tetap," katanya.

Abdullah turut menyertai solat jenazah yang diimamkan Mufti Johor Datuk Noh Gadut.

Naib-naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, dan Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib adalah antara pemimpin yang menziarahi jenazahnya di sini pagi ini.

Yang lain termasuk bekas timbalan perdana menteri Tan Sri Musa Hitam dan Pengerusi Tetap Wanita Umno Tan Sri Aishah Ghani.

Muhyiddin dan Muhammad berkata Umno kehilangan seorang pemimpin ulung yang banyak berjasa.

"Beliau adalah seorang ahli Umno yang tulen. Kematiannya merupakan satu kehilangan besar kepada orang Melayu, Umno dan negara," kata Muhyiddin, yang juga berasal dari Muar.

Muhammad berkata Sulaiman dapat menghidupkan suasana Perhimpunan Agung Umno setiap tahun dan pemergiannya sukar dicari ganti.

"Pandai sungguh mencelah, menghidupkan suasana mesyuarat agung, maklum sahajalah mesyuarat dari 8.30 pagi hingga 6 petang," katanya.

Aishah berkata setelah menjadi pengerusi tetap Umno sekian lama, ketiadaan Sulaiman pada Perhimpunan Agung bulan lepas amat terasa.

"Semoga rohnya dicucuri rahmat," katanya.

Pemimpin veteran Umno Tengku Ahmad Rithauddeen berkata pemergian Sulaiman adalah satu kehilangan besar kepada Umno.

"Saya teringatkan beliau kerana beliau adalah orang pertama yang datang berjumpa saya apabila saya mula bertugas di Mahkamah Sesyen Muar," katanya.

Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu berkata Umno dan negara telah kehilangan seorang tokoh yang amat berjasa.

"Beliau telah menyumbang ke arah perpaduan dalam parti," katanya.

Samy Vellu berkata Sulaiman merupakan seorang pemimpin yang mempunyai sifat rendah diri.

Di Muar, seorang lagi Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata Sulaiman sangat komited kepada perjuangan Umno dan merupakan satu lambang perjuangan parti untuk agama, bangsa dan negara.

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman pula berkata Sulaiman merupakan tokoh yang sentiasa bersama rakyat sepanjang hayatnya dan tidak tahu penat lelah dalam perjuangannya.

Di Kota Baharu, Anggota Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah berkata permegian Sulaiman bukan saja satu kehilangan kepada Umno tetapi juga kepada dunia perniagaan Melayu.

Ini kerana Allahyarham sentiasa berusaha keras menambah penyertaan Melayu dalam bidang perniagaan dan perusahaan.

Di Kota Kinabalu, Ketua Menteri Datuk Musa Aman turut mengucapkan takziah kepada keluarga Sulaiman.

Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob yang turut berada di Kota Kinabalu, berkata anggota Umno akan pasti merasai kehilangan Sulaiman setiap kali berlangsungnya perhimpunan agung.

Khalil yang juga Menteri Penerangan berkata Sulaiman mempunyai "gaya dan nada tersendiri" yang sesuai untuk mengendalikan persidangan dengan berkesan.

"Beliau memberi impak yang sangat ketara apabila mengendalikan persidangan," katanya.

Khalil berkata beliau yakin Umno akan berbuat sesuatu untuk mengenang jasa Sulaiman.

-- BERNAMA
TEAM MAI